

初中一新生入学考试考模拟试卷 1

国文科题目卷

日期:_____年_____月_____日 (星期_____)

时间:_____至 _____ (60 分钟)

考生须知:

- 一、 本试卷共印 12 页, 40 题, 必须全部做完。
- 二、 选择题只可用 2B 铅笔作答, 把你所选的答案字母的空间涂黑。
- 三、 每一道题目, 只可以选择一个答案。
- 四、 如果你要更改答案, 必须先把原来的答案擦干净, 然后才涂黑新的答案。
- 五、 考生只须交上答案卷。

未经许可, 不得翻开试卷

姓名: _____ ()

班级: _____

Jawab semua soalan dan isikan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Suasana di Balai Raya Kampung Setia agak riuh petang itu. Masing-masing tidak mahu ketinggalan untuk mengeluarkan pendapat. Mereka sibuk berbincang tentang kejadian yang menimpa keluarga Encik Chan.

Malam tadi, rumah Encik Chan dimasuki pencuri. Banyak harta benda yang hilang termasuk wang tunai dan barang kemas isteri Encik Chan. Ekoran daripada kejadian itu, ketua kampung telah memanggil semua penduduk kampung untuk berbincang.

Setelah berbincang, akhirnya kata sepakat dipersetujui oleh penduduk kampung. Kutipan derma akan diadakan untuk membantu meringankan beban Encik Chan dan keluarga. Penduduk kampung boleh menderma seikhlas hati.

Beberapa orang pemuda kampung pula dengan rela hati menawarkan diri untuk melakukan rondaan secara bergilir-gilir pada setiap malam. Melihat akan semangat yang ditunjukkan oleh penduduk kampung, ketua kampung berasa sangat gembira. Beliau mengucapkan terima kasih dan berharap agar semangat seperti ini akan terus berkekalan.

1. Apakah maksud “riuh” berdasarkan petikan di atas?

A bising

B lama

C senyap

D sepi

2. Apakah kejadian yang berlaku pada Encik Chan?

A Encik Chan kehilangan pekerjaan.

B Rumah Encik Chan dimasuki pencuri.

C Rumah Encik Chan dilanda banjir.

D Encik Chan mengadakan jamuan.

3. Di manakah perbincangan diadakan?

A Balai Raya Kampung Setia

B Rumah Encik Chan

C Rumah Ketua Kampung

D Dewan Masyarakat Kampung Setia

4. Apakah yang dilakukan oleh penduduk Kampung Setia untuk meringankan beban Encik Chan?

A melakukan rondaan

B memberikan keperluan harian

C mengutip derma

D mengasihani Encik Chan

5. Antara yang berikut, yang manakah sikap yang ditunjukkan oleh penduduk Kampung Setia?

A mementingkan diri

B saling membantu

C saling menyalahkan

D sombong



2027 小六入学考试国文模拟试卷 1 (答案)

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari minggu yang lalu, pagi-pagi lagi Ayuni dan keluarganya bersiap-siap untuk pergi berkelah di Taman Tasik Perdana. Setibanya mereka di sana, terdapat banyak kenderaan dan orang ramai pula kelihatan berpusu-pusu. Mereka kehairanan.

"Oh, patutlah banyak orang di sini! Ada pameran pokok herba dari seluruh dunia!" kata Abang Amir sambil menuding jarinya ke arah padang di sebelah kanannya. "Tentu datuk dan nenek suka akan pameran ini. Bukankah datuk peminat pokok herba?" kata Kak Amna pula. Datuk dan nenek tersenyum.

Setelah selesai berkelah, mereka pun berjalan-jalan di sekitar kawasan pameran itu. Datuk kelihatan begitu teruja. Ada bermacam-macam pokok herba tempatan. Banyak juga pokok herba dari luar negara yang belum pernah dilihat turut dipamerkan.

"Wah, banyaknya datuk membeli pokok herba!" kata Abang Amir. Datuk tertawa riang. "Tidaklah banyak pun. Lagipun, harganya murah. Bolehlah datuk tanam di belakang rumah nanti. Banyak khasiat herba-herba ini. Nanti, kamu pun boleh turut menikmati khasiat herba ini," kata datuk.

6. Apakah tujuan kebanyakan orang berkunjung ke Taman Tasik Perdana pada hari ini?

A Untuk berkelah.

B Untuk bersiar-siar bersama-sama dengan keluarga.

C Untuk mengunjungi pameran herba terbesar.

D Untuk membeli pokok-pokok herba yang dipamerkan.

7. Pada hari minggu, Ayuni dan keluarganya membawa datuk dan nenek...

A berkelah di Taman Tasik Perdana.

B mengunjungi pameran herba.

C membuka gerai pameran herba.

D melawat ke tempat-tempat menarik di sekitar ibu kota.

8. Mengapakah datuk Ayuni banyak membeli pokok herba?

A Pokok herba itu susah ditemukan.

B Pokok herba itu banyak khasiat.

C Pokok herba itu murah harganya.

D Pokok herba itu senang ditanam.

9. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

A Ayuni mempunyai tiga orang adik-beradik.

B Ayah dan ibu Ayuni turut membeli pokok herba.

C Pokok herba tempatan dan luar negara dipamerkan di pameran itu.

D Mereka berkunjung ke Taman Tasik Perdana pada hari Isnin.

10. Apakah kebaikan bercucuk tanam?

A mengeratkan hubungan kekeluargaan jika dilakukan bersama-sama

B mampu menjadikan kawasan tanaman semak-samun

C menyebabkan seseorang mudah berasa letih

D menyebabkan seseorang mudah berasa tertekan

11. "Peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah, haruslahlah _____ patuhi,"
nasihat Amir kepada kawan-kawannya.

A kita

B kami

C kamu

D awak

12. Pelbagai hidupan laut yang cantik dan menarik terdapat di _____ laut.

A hujung

B dasar

C celah

D bawah

13. Kanak-kanak itu_____ bermain di halaman rumah walaupun hujan semakin lebat.

A sudah

B pernah

C masih

D harus

14. Hannah tidak akan melakukan hobinya itu, _____ kerja sekolahnya belum selesai.

A selagi

B supaya

C setelah

D semasa

15. Bapa membimbing Suzy mengulang kaji pelajaran_____ dia lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan yang akan datang.

A jika

B kerana

C apabila

D supaya

16. Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas_____ pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa-sisa toksik ke dalam sungai.

A terhadap

B tentang

C bagi

D untuk

17. Tanah yang dibaling oleh Azmin itu terlekat _____ dinding rumahnya.

A daripada

B dari

C pada

D di

18. Guru disiplin menegur seorang pelajar yang berpakaian_____ ke sekolah.

A compang-camping

B kucar-kacir

C calar-balar

D kusut-masai

19. _____ itu sering menghulurkan derma kepada anak-anak yatim apabila beliau memperoleh keuntungan dalam perniagaannya.

A Peragawan

B Negarawan

C Angkasawan

D Usahawan

20. Kereta sewa yang kami _____ untuk pergi ke bandar semalam rosak di pertengahan jalan.

A penaik

B naiki

C menaik

D menaiki

21. Penyanyi itu tersenyum apabila menerima tepukan gemuruh daripada para _____ nya.

A pembelot

B penggemar

C peminat

D pejuang



22. Pertunjukan sarkas itu amat _____ semua penonton.

A menakjubkan

B membingungkan

C merosakkan

D melapangkan

23. Pengumuman kerajaan untuk _____ harga petrol telah menarik perhatian rakyat.

A menjatuhkan

B menurunkan

C merendahkan

D mengecilkan

24. Sebanyak 12 _____ tembakan dilepaskan oleh polis ke arah kereta perompak.

A das

B papan

C longgok

D kuntum

25. Kari ayam yang dimasak oleh kakak tidak boleh dimakan lagi kerana sudah _____.

A hanyir

B tengik

C lemau

D basi

26. Kakak menuang air sirap ke dalam gelas _____ membawanya ke ruang tamu.

A lalu

B tetapi

C atau

D kerana

2027 小六入学考试国文模拟试卷 1 (答案)

27. Ibu menggoreng ikan di dapur_____kakak memotong sayur.

A dan

B tetapi

C kerana

D manakala

28. Nenek memberikan _____ kepada cucunya cara membuat kuih bahulu.

A daya fikir

B tunjuk ajar

C kata putus

D tunjuk cara

29. Ho Yip _____ setelah permohonannya untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya ditolak.

A hati batu

B jatuh hati

C patah hati

D patah tulang

30. Ibu selalu menasihati Zaidi agar banyak membaca kerana_____.

A masa itu emas

B membaca jambatan ilmu

C bahasa jiwa bangsa

D badan sihat otak cergas

Soalan 31 berdasarkan gambar di bawah ini.



31. Flora dan fauna akan _____ jika kawasan hutan diterokai.

A pupus

B lupus

C habis

D hilang

32. Kegiatan penjualan mercun di kedai itu _____ hasil maklumat yang diberikan oleh orang ramai.

A membongkar

B terbongkar

C dibongkar

D pembongkar

33. Aktiviti _____ sangat sesuai dilakukan di pulau itu kerana airnya bersih dan banyak batu karang.

A menyelam

B menyelami

C penyelam

D terselam

34. Kelab Seni Sekolah akan mengadakan satu _____ drama.

A bersembah

B disembahkan

C mempersembahkan

D persembahan

35. Pengguna jalan raya itu_____oleh anggota polis untuk pemeriksaan lesen.

A menahan

B bertahan

C ditahan

D tahanan

36. Antara ayat yang berikut, yang manakah ayat aktif?

A Buku cerita kanak-kanak itu dikarang oleh seorang guru.

B Mereka sedang membuat latihan Matematik di dalam kelas.

C Komputer itu dibeli oleh ibu untuk abang yang belajar di universiti.

D Bilik tidur saya kemas pada setiap hari.

37. Antara ayat yang berikut, yang manakah ayat pasif?

A Penduduk kampung bergotong-royong membersihkan kawasan kampung.

B Saya menaiki bas ke sekolah.

C Baju yang cantik itu dijahit oleh Puan Lee.

D Kim Seng bermain bola sepak dengan kawan-kawannya di padang.

38. Antara ayat yang berikut, yang manakah ayat pasif?

A Saya belajar di sekolah rendah.

B Encik Ramli sedang membaca surat khabar di ruang tamu.

C Dia suka menanam pokok bunga pada masa lapang.

D Kuih yang sedap itu saya makan.

39. Berikan respons yang paling tepat kepada soalan-soalan yang berikut. Di manakah makanan ringan banyak dijual?

A Ibu bapa perlu menggantikan makanan ringan dengan sajian lebih berkhasiat.

B Makanan ringan mengandungi pengawet, bahan pewarna dan minyak yang tinggi.

C Makanan ringan banyak dijual di kedai runcit dan di pasar raya.

D Kanak-kanak suka mengambil makanan ringan ketika menonton televisyen.

40. Berikan respons yang paling tepat kepada soalan-soalan yang berikut. Apakah punca masalah kegemukan?

A Masalah kegemukan perlu diatasi demi kesihatan kita.

B Masalah kegemukan berpunca daripada pengambilan makanan segera.

C Ahmad mengalami masalah kegemukan sejak kecil.

D Ibu bapa harus menggalakkan amalan pemakanan yang sihat.



No. Jawapan

- 1 A *Riuh* bermaksud bising atau hingar.
- 2 B Rumah Encik Chan dimasuki pencuri.
- 3 A Perbincangan diadakan di Balai Raya Kampung Setia.
- 4 C Penduduk kampung mengutip derma untuk membantu Encik Chan.
- 5 B Mereka menunjukkan sikap saling membantu.
- 6 C Ramai orang datang kerana pameran pokok herba.
- 7 A Ayuni dan keluarganya pergi berkelah di Taman Tasik Perdana.
- 8 C Datuk sendiri menyatakan bahawa beliau membeli pokok herba kerana harganya murah
- 9 C Pameran mempamerkan herba tempatan dan luar negara.
- 10 A Bercucuk tanam bersama keluarga dapat mengeratkan hubungan.
- 11 A Kata ganti yang sesuai ialah "kita patuhi".
- 12 B Hidupan laut terdapat di dasar laut.
- 13 C Kanak-kanak itu masih bermain walaupun hujan lebat.
- 14 A "Selagi" menunjukkan sesuatu belum selesai.
- 15 D Bapa membimbing supaya dia lulus cemerlang.
- 16 A Frasa yang betul ialah "tindakan tegas terhadap".
- 17 C Tanah terlekat pada dinding rumah.
- 18 A Pakaian compang-camping bermaksud koyak-rabak.
- 19 D Usahawan ialah orang yang menjalankan perniagaan.
- 20 B Kereta sewa yang kami naiki.
- 21 C Penyanyi menerima tepukan daripada peminatnya.
- 22 A Pertunjukan sarkas itu sangat menakjubkan.
- 23 B Harga petrol biasanya "diturunkan".
- 24 A Penjodoh bilangan bagi tembakan ialah "das".
- 25 D Kari yang rosak dan tidak boleh dimakan lagi ialah basi.
- 26 A "Lalu" menunjukkan perbuatan yang berlaku seterusnya.
- 27 D "Manakala" menunjukkan dua perbuatan berlaku serentak.
- 28 B Nenek memberikan tunjuk ajar kepada cucunya.
- 29 C Patah hati bermaksud kecewa atau sedih.
- 30 B Peribahasa yang sesuai ialah "membaca jambatan ilmu".
- 31 A Flora dan fauna akan pupus jika hutan diterokai.
- 32 B Kegiatan itu terbongkar hasil maklumat orang ramai.
- 33 A Aktiviti yang sesuai di pulau ialah menyelam.
- 34 D Frasa yang betul ialah "mengadakan satu persembahan drama".

No. Jawapan

- 35 C Pengguna jalan raya itu ditahan oleh polis.
- 36 B Ayat aktif mempunyai pelaku yang melakukan perbuatan.
- 37 C Ayat pasif ditandai dengan “dijahit oleh”.
- 38 D “Kuih yang sedap itu saya makan” ialah ayat pasif.
- 39 C Soalan bertanya tempat makanan ringan dijual.
- 40 B Punca kegemukan ialah pengambilan makanan segera.

